

NO. DOKUMEN : JKNJ-PK-F1

PROSEDUR : PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

No. Salinan Kawalan:

Dikeluarkan kepada:

1.0 TUJUAN

Prosedur ini digunapakai untuk tatacara dan memantau pelaksanaan pemeriksaan konsainan/ bagasi penumpang yang diimport melalui pintu masuk Kastam untuk memastikan barang-barang yang dibenarkan sahaja diimport mengikut undang-undang yang dikuatkuasakan.

2.0 SKOP

Prosedur ini hendaklah digunapakai oleh anggota di Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri Johor yang menjalankan dan memantau pelaksanaan pemeriksaan konsainan/ bagasi penumpang yang meliputi pengimportan ubat-ubatan, bahan-bahan farmaseutikal, kosmetik, veterinar, bahan kimia dan tumbuh-tumbuhan yang digunakan dalam industri farmasi seperti yang disenaraikan di bawah kod-kod tarif kastam tertentu/ atau bagasi penumpang dan dikawal di bawah akta-akta yang berkuatkuasa yang diimport melalui pintu masuk kastam di negeri Johor.

3.0 DEFINISI

Konsainan : Merujuk kepada barangan (kargo/ kurier/ pos) yang diikrarkan dalam Borang Ikrar Kastam (BIK).

Penumpang : Sesiapa yang masuk ke Malaysia melalui mana-mana pintu masuk sama ada jalan darat, udara dan laut.

NO. DOKUMEN : JKNJ-PK-F1

PROSEDUR : PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

4.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
Ketua Penolong Pengarah Kanan (Kuatkuasa) [KPPK(K)]/ Ketua Penolong Pengarah (Kuatkuasa) [KPP(K)]/ Penolong Pengarah Kanan (Kuatkuasa) [PPK(K)]/ Penolong Pengarah (Kuatkuasa) PP(K)	4.0 PEMERIKSAAN DAN SARINGAN KARGO 4.1 Pelabuhan, Lapangan Terbang dan Dagangan Jalan Raya 4.1.1 Prosedur Saringan Konsainan Terima BIK yang telah didaftarkan atau saring melalui <i>Malaysia OGA System(MyOGA)</i> , dokumen pengimportan yang dirujuk oleh pihak Kastam. Kenalpasti perkara-perkara yang diikrarkan dalam borang berkenaan/MyOGA. Tentukan sama ada perkara-perkara yang diikrarkan mematuhi keperluan undang-undang yang dikuatkuasakan. 4.1.1.1 Proses penyaringan bahan racun berjadual (i) Bahan Mentah - Farmaseutikal (Bab 28, 29) dan Veterinar(Bab 23) Seksyen 26(2)(a) Akta Racun 1952 & Akta Kastam 1967.

NO. DOKUMEN : JKNJ-PK-F1

PROSEDUR : PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<ul style="list-style-type: none">• Semak Lesen Racun Jenis A pengimport• Semak Permit Import untuk perkara dalam Perintah Larangan Import:<ul style="list-style-type: none">• Melalui MyOGA - Semak di ruangan AP1 dan AP2 atau• Melalui ePermit di laman sesawang - http://epermit.dagangnet.com atau• Melalui salinan Permit Import yang disertakan bersama BIK <p>(ii) Produk - Farmaseutikal (Bab 30) Seksyen 26(2)(a) Akta Racun 1952, Peraturan 12(1)(d) dan Peraturan 7(1)(a) Peraturan- peraturan Kawalan Dadah & Kosmetik 1984</p> <ul style="list-style-type: none">• Semak Lesen Racun Jenis A pengimport• Semak Lesen Import yang dikeluarkan oleh PBKD• Semak senarai daftar keluaran dari PBKD.• Semak Permit Import untuk perkara dalam Perintah Larangan Import (sila rujuk 4.1.1.1 (i)) atau rujuk QUEST 3+ www.npra.gov.my

NO. DOKUMEN : JKNJ-PK-F1

PROSEDUR : PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<p>(iii) Bahan-bahan farmaseutikal/ bahan kimia tertentu</p> <p>(a) Bahan mentah - Dadah berbahaya (Bab 28)</p> <p>Seksyen 26(2)(a) Akta Racun 1952 dan Seksyen 20 Akta Dadah Berbahaya 1952</p> <ul style="list-style-type: none">• Semak Lesen Racun Jenis A pengimport• Semak Kebenaran Import bagi Dadah Berbahaya yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM (melalui salinan yang disertakan bersama-sama BIK) <p>(b) Bahan mentah - Dadah berbahaya (Bab 29)</p> <p>Seksyen 26(2)(a) Akta Racun 1952 dan Seksyen 20 Akta Dadah Berbahaya 1952</p> <ul style="list-style-type: none">• Semak Lesen Racun Jenis A pengimport• Semak Kebenaran Import bagi Dadah Berbahaya yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM (Melalui salinan yang disertakan bersama BIK)

NO. DOKUMEN : JKNJ-PK-F1

PROSEDUR : PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<ul style="list-style-type: none">• Semak Lesen Racun Jenis A pengimport• Semak Kebenaran Import bagi Dadah Berbahaya yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasa Farmasi, KKM (Melalui salinan yang disertakan bersama BIK) <p>(c) Produk - Dadah Berbahaya (Bab 30)</p> <p>Seksyen 26(2)(a) Akta Racun 1952, Seksyen 20 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Peraturan 12(1)(d) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah & Kosmetik 1984</p> <ul style="list-style-type: none">• Semak Lesen Racun Jenis A pengimport• Semak Kebenaran Import bagi Dadah Berbahaya yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM (Melalui salinan yang disertakan bersama BIK)• Semak Lesen Import yang dikeluarkan oleh PBKD <p>(d) Bahan mentah-Bahan Psikotropik (Bab 29)</p>

NO. DOKUMEN : JKNJ-PK-F1

PROSEDUR : PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<p>Seksyen 26(2)(a) Akta Racun 1952 dan Peraturan 4(1) & Peraturan 5(2) Peraturan-Peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989</p> <ul style="list-style-type: none">• Semak Lesen Racun Jenis A pengimport• Semak Kebenaran Import bagi Bahan Psikotropik yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM (Melalui salinan yang disertakan bersama BIK) <p>(e) Produk - Bahan Psikotropik (Bab 30)</p> <p>Seksyen 26(2)(a) Akta Racun 1952, Peraturan 4(1) & Peraturan 5(2) Peraturan-Peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989 dan Peraturan 12(1)(d) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah & Kosmetik 1984</p> <ul style="list-style-type: none">• Semak Lesen Racun Jenis A pengimport• Semak Kebenaran Import bagi Bahan Psikotropik yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM (Melalui salinan yang disertakan bersama-sama BIK)• Semak Lesen Import yang dikeluarkan oleh PBKD

NO. DOKUMEN : JKNJ-PK-F1

PROSEDUR PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<p>(f) Natrium Hidroksida (Bab 28) Seksyen 26(2)(e) Akta Racun 1952 dan Seksyen 26(2)(b) Akta Racun 1952</p> <ul style="list-style-type: none">• Semak Lesen Racun Jenis A atau B yang menyenaraikan perkara berkenaan; Atau• Semak Lesen Racun Jenis E <p>(g) Perkursor yang tersenarai di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import), Akta Kastam 1967 (Bab 28 atau Bab 29)</p> <p>Seksyen 26(2)(a) & (b) Akta Racun 1952 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import), Akta Kastam 1967</p> <ul style="list-style-type: none">• Semak Lesen Racun Jenis A atau Lesen Racun Jenis B yang menyenaraikan perkara berkenaan dari pengimport.• Semak Permit Import dari Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM (sila rujuk 4.1.1.1 (i))

NO. DOKUMEN : JKNJ-PK-F1

PROSEDUR PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<p>(h) Bahan-bahan kimia yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Senarai Racun (Bab 28, Bab 29, 3822, 3810 atau 3824) Seksyen 26(2)(a) & (b) Akta Racun 1952</p> <ul style="list-style-type: none">• Semak Lesen Racun Jenis A atau Lesen Racun Jenis B yang menyenaraikan perkara berkenaan dari pengimport <p>(i) Produk - Bahan Veterinari* (Bab 23.09 dan 30) Seksyen 26(2)(a) Akta Racun 1952</p> <ul style="list-style-type: none">• Semak Lesen Racun Jenis A pengimport• Semak sampel keluaran diimport dan pastikan keluaran tersebut mempunyai label "untuk kegunaan veteriner sahaja".• Semak dokumen status pendaftaran produk yang dikeluarkan oleh PBKD• Semak Lesen Import• Bagi makanan haiwan yang mengandungi racun yang dibenarkan, semak Lesen Racun Jenis B pengimport.

NO.DOKUMEN: JKNJ-PK-F1

PROSEDUR PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<p>4.1.1.2 Proses penyaringan bahan bukan racun:</p> <p>(i) Bahan Farmaseutikal (Bab 30) - Bukan Racun (OTC)/ Tradisional (Produk) Peraturan 7(1)(a) dan Peraturan 12(1)(d) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah Kosmetik 1984</p> <ul style="list-style-type: none">• Semak Lesen Import yang dikeluarkan oleh PBKD <p>(ii) Kosmetik (Bab 33 dan Bab 34) Peraturan 18A(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah Kosmetik 1984</p> <ul style="list-style-type: none">• Semak nota notifikasi kosmetik <p>(iii) Produk- Bahan Veterinar* (Bab 23.09 dan 30)</p> <ul style="list-style-type: none">• Semak dokumen status pendaftaran produk bagi produk sedia ada yang dikeluarkan oleh PBKD• Semak Lesen Import <p>(iv) Lain-lain</p> <ul style="list-style-type: none">• Bahan Mentah (Bab 12.11) - herba tradisional (akar kayu dan lain-lain)• Bahan Makanan (Bab 21.06)• Campuran bahan kimia (Bab 38)

NO.DOKUMEN:	JKNJ-PK-F1
PROSEDUR	PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<p>4.1.1.3 Proses Pelepasan Konsainan</p> <p>Sekiranya segala keperluan undang-undang telah dipenuhi, Pegawai Penguatkuasa Farmasi yang bertugas bolehlah mengambil tindakan berikut; Mencadangkan kepada pihak kastam untuk melepaskan konsainan, menandatangani dan mencatatkan tarikh pelepasan di belakang BIK atau membuat pelepasan melalui MyOGA.</p> <p>4.1.1.4 Butir-butir pengimportan hendaklah dimasukkan ke dalam sistem eDPF.</p> <p>5.0 PEMERIKSAAN BUNGKUSAN/ KONSAINAN DI PEJABAT POS DAN KURIER</p> <p>5.1 Periksa bungkusan/ konsainan yang dirujuk oleh JKDM.</p> <p>5.2 Cadangkan pelepasan bungkusan/ konsainan jika memenuhi keperluan berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 8(2)(b)-8(2)(d) Akta Racun 1952 • Peraturan 4 Peraturan-peraturan Racun 1952 • Peraturan 7(1)(a) Peraturan-peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984 • Peraturan 18A(1) Peraturan-peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984

NO.DOKUMEN: JKNJ-PK-F1

PROSEDUR

PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI
PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<p>5.3 Kriteria pelepasan:</p> <ul style="list-style-type: none">• Tiada pengecualian bagi produk/ bahan berikut:<ul style="list-style-type: none">a. Produk campur palsu (contohnya: Sibutramine, Sildenafil, Tadalafil dan lain-lain).b. Produk substandard, <i>spurious, falsified falsely-labeled and counterfeit</i> (SSFFC).• Bagi produk/ bahan mengandungi racun, pelepasan boleh dibuat dengan preskripsi atau arahan daripada pengamal perubatan berkeelayakan (arahan termasuk dokumen-dokumen lain seperti rekod/ kad pesakit atau surat) untuk penggunaan satu (1) bulan bagi seorang pada kali pertama pengimportan sekiranya kuantiti yang diimport tidak melebihi satu bulan penggunaan.• Notis peringatan perlu diberikan kepada pengimport semasa parcel/ konsainan/ barang-barang/ bagasi dilepaskan. <p>5.4 Rekodkan maklumat ke dalam sistem pangkalan data eDPF.</p> <p>6.0 PEMERIKSAAN BAGASI DI SEMPADAN/ JETI DAN LAPANGAN TERBANG</p> <p>6.1 Periksa barang-barang/ bagasi yang dibawa oleh pemilik barang dan dirujuk oleh kastam.</p>

NO.DOKUMEN:	JKNJ-PK-F1
PROSEDUR	PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<p>6.2 Cadangkan kemasukan barang-barang/ bagasi jika memenuhi keperluan berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 8(2)(a) Akta Racun 1952 • Peraturan 7(3) Peraturan-peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984 • Peraturan 18A(3)(a) Peraturan-peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984 <p>6.3 Kriteria pelepasan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada pengecualian bagi produk/ bahan berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. Produk campur palsu (contohnya: Sibutramine, Sildenafil, Tadalafil dan lain-lain). b. Produk substandard, <i>spurious, falsified, falsely-labeled and counterfeit</i> (SSFFC). • Bagi produk/ mengadungi racun, pelepasan boleh dibuat dengan preskripsi atau arahan daripada pengamal perubatan berkeelayakan (arahan termasuk dokumen-dokumen lain seperti rekod/ kad pesakit atau surat) untuk penggunaan satu (1) bulan bagi seorang. • Pengimportan bahan Psikotropik dalam tempoh yang dibenarkan untuk kegunaan seorang mesti disertakan dengan preskripsi. • Bagi pengimportan Dadah Berbahaya untuk kegunaan perubatan, pelepasan hendaklah mematuhi Seksyen 25, Akta Dadah Berbahaya 1952.

NO.DOKUMEN:	JKNJ-PK-F1
PROSEDUR	PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<p>6.4 Rekodkan maklumat ke dalam sistem pangkalan data eDPF.</p> <p>7.0 PROSEDUR KUIRI KONSAINAN</p> <p>7.1 Keperluan Dokumen</p> <p>Sekiranya salah satu keperluan undang-undang tidak dipatuhi, Pegawai Penguatkuasa Farmasi yang bertugas hendaklah mengambil tindakan berikut:</p> <p>7.1.1 Kemukakan kuir (melalui emel, catatan pada borang K1 atau apa jua cara bersesuaian) dan mohon pengimport mengemukakan dokumen yang berkaitan, ATAU catatkan tindakan yang diambil pada ruang di MyOGA.</p> <p>Jika dokumen berkaitan dapat dikemukakan, rujuk perkara 4.1.1.3 bagi proses pelepasan konsainan dan 4.1.1.4 untuk rekod.</p> <p>7.1.2 Jika pihak pengimport gagal mengemukakan dokumen berkaitan, <i>pending</i> pengimportan ATAU, catatkan tindakan yang diambil pada ruang di MyOGA.</p>

NO.DOKUMEN:	JKNJ-PK-F1
PROSEDUR	PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<p>7.2 Keperluan mengambil sampel dan pemeriksaan fizikal. Sekiranya terdapat keperluan untuk mengambil sampel atau pemeriksaan fizikal, maklumkan ejen dengan kaedah yang bersesuaian.</p> <p>7.2.1 Untuk tujuan analisis kimia (bagi konsainan yang dilepaskan):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sediakan Resit Pengambilan Sampel dalam 2 salinan. • Resit asal diberi kepada pengimport. • Failkan salinan pendua. <p>7.2.2 Untuk menentukan status pendaftaran produk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Periksa sampel. • Kembalikan sampel setelah selesai semakan. <p>7.2.3 Untuk pemeriksaan fizikal:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jalankan bersama-sama/ dengan kehadiran pengimport/ ejen dan jika boleh, pihak JKDM; • Jika perlu mengambil sampel, ikuti langkah 7.2.1 • Jika pemeriksaan fizikal memuaskan, rujuk perkara 4.1.1.3 bagi proses pelepasan konsainan • Jika pemeriksaan tidak memuaskan, jalankan proses rampasan konsainan.

NO. DOKUMEN :	JKNJ-PK-F1
PROSEDUR	PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<p>8.0 PROSEDUR RAMPASAN KONSAINAN</p> <p>8.1 Rampasan CPF bukan untuk tujuan pendakwaan: Sekiranya konsainan/ parcel/ bagasi yang diimport tidak mematuhi keperluan undang-undang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keluarkan dua (2) salinan surat "Cadangan Rampasan Barangan Pengimportan Pintu Masuk": <ul style="list-style-type: none"> • satu salinan kepada pengimport/ ejen/ pengendali pas • satu salinan untuk difailkan • Rekod rampasan parcel/ konsainan/ bagasi ke dalam sistem pangkalan data eDPF. • Muat naik gambar dan dokumen ke Fail Tahan Virtual dan hyperlink ke Daftar Tahan (maya) dalam pengkalan data Google Drive @moh.gov.my <p>8.2 Rampasan oleh CPF untuk tujuan pendakwaan di mahkamah (jika ada):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jalankan rampasan mengikut Garis Panduan Serbuan. <p>8.3 Rampasan oleh JKDM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya konsainan/ parcel/ bagasi yang diimport tidak mematuhi keperluan undang-undang dan dirampas oleh JKDM: <ul style="list-style-type: none"> • Keluarkan dua (2) salinan Akuan Penerimaan Barang Rampasan kepada JKDM. • Rekod tindakan dalam sistem pangkalan data eDPF.

NO. DOKUMEN : JKNJ-PK-F1

PROSEDUR PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

TANGGUNG JAWAB	TINDAKAN
KPPK(K)/ KPP(K)/ PPK(K)/ PP(K)	<ul style="list-style-type: none">• Muat naik gambar dan dokumen ke Fail Tahan Virtual dan hyperlink ke Daftar Tahan (maya) dalam pengkalan data Google Drive @moh.gov.my. <p>9.0 PROSEDUR PELUPUSAN BARANG RAMPASAN</p> <p>9.1 Bagi rampasan bukan untuk tujuan pendakwaan, jalankan pelupusan:</p> <ul style="list-style-type: none">• Sekiranya barang rampasan tidak dituntut atau kes rayuan yang ditolak, bagi rampasan yang disimpan oleh pihak JKDM, permohonan lucuthak boleh dibuat kepada JKDM selepas 30 hari daripada tarikh tahan.• Bagi rampasan yang tidak disimpan oleh pihak JKDM, barang rampasan perlu dihantar ke Stor Ekshibit untuk tujuan pelupusan mengikut Garis Panduan Pengendalian Stor Ekshibit.• Sediakan Sijil Pelupusan sebanyak satu (1) salinan dan serahkan kepada Pegawai Stor Ekshibit. <p>9.2 Bagi rampasan untuk tujuan pendakwaan, jalankan pelupusan mengikut Garis Panduan Pengendalian Stor Ekshibit</p>

NO. DOKUMEN : JKNJ-PK-F1

PROSEDUR PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI
PINTU MASUK KASTAM

5.0 REKOD KUALITI

BIL	KOD DOKUMEN	JENIS REKOD	TEMPOH PENYIMPANAN	LOKASI
1.	BPFJ-BK-F1-1	Resit Pengambilan Sampel	7 tahun	Pejabat Seksyen Kawalan Pintu Masuk
2.	BPFJ-BK-F1-2	Surat Cadangan Rampasan Barangan Pengimportan Pintu Masuk	7 tahun	Pejabat Seksyen Kawalan Pintu Masuk
3.	BPFJ-BK-F1-3	Akuan Penerimaan Barang Rampasan	7 tahun	Pejabat Seksyen Kawalan Pintu Masuk

NO. DOKUMEN : JKNJ-PK-F1

PROSEDUR PEMERIKSAAN KONSAINAN DAN BAGASI PENUMPANG DI PINTU MASUK KASTAM

6.0 KLAUSA-KLAUSA MS ISO 9001:2015 BERKAITAN

6.1 Tindakan menyatakan risiko dan peluang

7.5.3 Kawalan maklumat didokumentasikan

8.5.3 Harta kepunyaan pelanggan atau penyedia luar

10.3 Penambahbaikan berterusan

	Jawatan	Tandatangan
Disediakan oleh:	Marina Binti Pilus Ketua Penolong Pengarah Kanan (Kuatkuasa)	
Diluluskan oleh:	Siti Hanidah Binti Maksom Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)	